

## FRASA ADVERBA DALAM TUHFAT AL NAFIS

NASRUN ALIAS

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[nursan@ukm.edu.my](mailto:nursan@ukm.edu.my)

NUR SHAFIQAH AMIRAH BINTI ABDULLAH

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[nurshafiqahamirah1994@gmail.com](mailto:nurshafiqahamirah1994@gmail.com)

### ABSTRAK

Kajian tentang frasa adverba sering menjadi tumpuan ahli-ahli linguistik di Malaysia. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengahnya beranggapan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai struktur adverba. Sesetengah yang lain pula beranggapan bahawa adverba wujud dalam bahasa Melayu tetapi dalam bentuk yang sangat terhad, dan yang lain pula bersetuju bahawa bahasa Melayu, seperti juga bahasa-bahasa lain, juga mempunyai struktur adverba. Kajian ini membincangkan kedudukan adverba dalam bahasa Melayu berdasarkan kitab Tuhfat Al Nafis. Dalam hal ini, adverba dibincangkan daripada segi ciri-cirinya dan strukturnya menggunakan data bahasa Melayu lama. Data dianalisis dengan menggunakan pendekatan struktural. Penggunaan teks lama dalam kajian linguistik masih tidak banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji bahasa, sama ada tempatan mahu pun antarabangsa. Dengan adanya kajian sebegini, diharap dapat menjelaskan hubungan bahasa Melayu abad ke-19 dengan bahasa Melayu yang digunakan pada hari ini. Dapatan kajian ini, telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah lama memanfaatkan penggunaan pelbagai frasa adverba. Ini secara tidak langsung menafikan pendapat yang mengatakan bahasa Melayu tidak mempunyai adverba, atau hanya terhad kepada bentuk kata adverba sahaja.

**Kata kunci:** Adverba, bahasa Melayu lama, sintaksis; struktural; Tuhfat Al Nafis

## ADVERB PHRASE IN TUHFAT AL NAFIS

### ABSTRACT

The study of adverb phrase always become the subject of discussion by Malaysian linguist. This is because, some of the grammarian assume that Malay does not have adverbs. Others assume that adverbs exist in a very minimal form while others agreed that Malay do have adverbs, as other languages did. This study will discuss the position of adverb in Malay, based on an old text, Tuhfat Al Nafis. In this case, adverb will be discuss based on its features and structure by using the data from old Malay. The data will be analyse using the structural approach. The used of old Malay text to study linguistic are still few. It is hoped that this study can explain the relationship between 19<sup>th</sup> century Malay with the modern Malay. This study has proven that old Malay has long been manipulating the use of adverbs. This also deny the assumption that Malay language does not have adverbs, or only have limited type of adverbs.

**Keywords:** Adverb; old Malay language; syntax; structural; Tuhfat Al Nafis

## **PENDAHULUAN**

Kajian tentang bahasa di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Hari ini, pelbagai bidang kajian bahasa telah diceburi oleh sarjana-sarjana tempatan untuk memenuhi tuntutan dunia penyelidikan masa kini. Ini ditambah lagi dengan perubahan bahasa dalam masyarakat juga. Ini dijelaskan oleh Rahilah et al. (2016) bahawa, “Perkembangan dunia serba moden akan turut mempengaruhi sesuatu bahasa dalam sesebuah masyarakat”. Ini membolehkan cabang-cabang ilmu bahasa diperkenal dan didalami.

Terdapat pelbagai cabang ilmu bahasa yang wujud, tidak kira sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun bahasa-bahasa lain. Salah satu disiplin keilmuan dalam bidang bahasa yang perlu difahami oleh penutur, mahupun pembaca ialah bidang sintaksis. Istilah sintaksis berasal daripada bahasa Belanda iaitu *syntaxis*. Namun begitu, dalam bahasa Inggeris, sintaksis dikenali sebagai *syntax* sahaja. Tambahan pula, sintaksis ialah cabang daripada ilmu bahasa yang membicarakan mengenai wacana, ayat, klausa dan frasa. Sintaksis merupakan ilmu bahasa yang menjelaskan tentang hubungan dalam ayat, sama ada bersifat hubungan fungsional ataupun hubungan struktural. Menurut Nik Safiah Karim (2008), sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Tambahan pula, sintaksis juga merupakan kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang menjadi dasar kepada kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan bagi membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Manakala menurut Abdullah Hassan (2006), sintaksis ialah bidang linguistik yang mengkaji binaan ayat iaitu dengan mengetahui bagaimana sesebuah kata disusun menjadi frasa dan kemudian bagaimana frasa disusun menjadi ayat. Selain itu, Culicover (1976) mengatakan bahawa sintaksis merupakan bidang linguistik yang menghuraikan pelbagai perkara mengenai kata dalam bahasa sehingga memungkinkan kata itu dirangkaikan dengan kata lain untuk membentuk frasa atau konstruksi sintaksis yang lebih luas.

Perkara yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah mengenai frasa adverba yang merupakan unsur keterangan bagi beberapa jenis golongan kata di dalam ayat. Kajian ini akan melibatkan penggunaan teks Melayu lama sebagai bahan utama untuk mengkaji frasa adverba, iaitu teks Tuhfat Al-Nafis yang telah ditulis oleh Raja Ali Al-Haji. Dalam masa yang sama, terdapat ramai tokoh bahasa yang memberikan pandangan mengenai adverba. Tokoh-tokoh terkemuka yang memperkatakan tentang perkara tersebut antaranya ialah Za’ba, Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, dan Abdullah Hassan. Za’ba telah menggunakan istilah ‘sifat kata’ semasa membincangkan tentang adverba. Manakala, istilah ‘kata adverba’ hanya digunakan oleh Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain (1985), Lutfi Abas (1992), Asmah Haji Omar (2008; 2009), Abdullah Hassan (2006; 2008), Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008).

## **PERMASALAHAN**

Kajian tentang adverba di Malaysia masih agak kurang dibincangkan kerana kewujudannya yang kurang ditekankan sama ada dalam bentuk frasa mahupun fungsinya dalam ayat. Tidak dapat dinafikan, sememangnya wujud kajian mengenai adverba. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tentang adverba lebih tertumpu kepada kedudukannya dalam bahasa Melayu standard. Antara kajian yang pernah dilakukan mengenai frasa adverba ialah *Kata Adverba atau Kata Sifat*

oleh Norliza Hj Jamaluddin (2012) dan *Adverba Dalam Ayat Transitif Bahasa Melayu: Satu Analisis Prinsip dan Parameter* oleh Mohd Sawpi bin Lawi (2008).

Adverba juga sering dikelirukan dengan kewujudan kata adjektif kerana terdapat tokoh-tokoh nahu bahasa Melayu memberikan pendapat yang berbeza mengenai definisi adverba. Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan oleh Mohamad Mojahid bin A Latif (2015), beliau mengatakan bahawa adverba ialah perkataan atau kata yang berfungsi pada tingkat frasa sebagai penerang manakala unsur keterangan menjalankan fungsi pada tingkat klausa. Jika menurut Asmah Haji Omar (2014) pula, adverba itu ialah satu bentuk kata yang menerangkan kata atau frasa kerja di depannya. Pendapat mengenai adverba telah dikemukakan oleh ramai pengkaji bahasa. Namun begitu, disebabkan oleh pandangan mengenai adverba yang berbeza bagi setiap pengkaji bahasa, maka sekiranya pembaca kurang mengetahui tentang perkara ini, maka mereka akan menganggap adverba dan kata adjektif adalah daripada satu kelompok yang sama.

Selain itu, kajian terhadap teks Melayu klasik juga kurang dinilai dari segi bahasa kerana teks seperti itu biasanya dinilai dari sudut sastera ataupun sejarah. Selain itu, pengkaji-pengkaji bahasa lebih fokus untuk mengkaji data-data berbentuk bahasa perbualan, seperti dialek. Hal ini ditegaskan oleh Nur Sufiah & Maslida (2020) bahawa “Pelbagai kajian dialek Melayu telah dilakukan oleh ahli-ahli linguistik di seluruh pelosok negeri terutama kajian dialektologi”.

Karya sastera juga sering dilihat dipinggirkan oleh masyarakat kerana ketidakmampuan mereka untuk memahami ayat serta makna dalam sesebuah teks sastera. Kajian bahasa yang biasa dilakukan terhadap teks Melayu adalah berkaitan dengan frasa nama, frasa kerja mahupun frasa adjektif. Namun begitu, kajian frasa adverba melalui teks Melayu tidak banyak dilakukan kerana pengkaji hanya berminat dengan benda yang mudah untuk dilakukan dan dapat diselesaikan dengan cepat. Tambahan pula, pengkaji pada zaman sekarang lebih berminat untuk mengkaji novel-novel moden yang bertemakan cinta atau pun *indie* seperti yang banyak dihasilkan pada zaman sekarang. Hal ini demikian kerana bahasa yang digunakan dalam teks moden lebih mudah untuk difahami dan dikaji.

Sehubungan itu, kajian yang akan dilakukan ini memberikan fokus kepada penggunaan frasa adverba yang wujud di dalam teks Melayu klasik iaitu Tuhfat al-Nafis. Perbincangan yang lebih jelas dan terperinci mengenai adverba akan dihuraikan pada bab-bab yang seterusnya. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu membuktikan pencapaian objektifnya di akhir kajian kelak.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai skop dan batasan yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana, penggunaan batasan kajian berfungsi untuk mengelakkan kajian daripada tersasar jauh dan lari daripada topik utama yang dibincangkan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji akan meneliti kedudukan serta fungsi adverba yang wujud dalam sesebuah ayat. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin memperlihatkan peranan adverba yang berbeza daripada adjektif dan masyarakat sering menganggap kedua-duanya serupa.


Tumpuan yang diberikan dalam kajian ini adalah melalui penggunaan teks Melayu klasik iaitu Tuhfat al-Nafis (Sejarah Bugis dan Melayu). Buku yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji pada pertengahan kurun ke-19 menunjukkan bahawa penggunaan perkataan-perkataan yang klasik dan bersesuaian dengan keadaan pada zaman itu.

Bagi memperlihatkan variasi adverba di dalam teks ini, data-data telah dikutip dari bahagian bahagian awal, bahagian tengah serta bahagian akhir teks. Tumpuan sepenuhnya diberikan untuk mencari kewujudan frasa adverba dalam teks Melayu klasik ini.

## METODOLOGI

Kajian yang dilakukan ini mendapati bahawa terdapat beberapa jenis frasa adverba dalam bahasa Melayu. Setiap frasa adverba mempunyai fungsi mahupun peranan yang berbeza. Sebilangan ahli bahasa telah memberikan maksud yang berbeza mengenai frasa adverba. Berpandukan kepada *Nahu Melayu Mutakhir* yang telah ditulis oleh Asmah Haji Omar (1993), beliau membahagikan frasa adverba kepada dua puluh sembilan jenis. Sementara itu, Liaw Yock Fang (1985) membahagikan adverba kepada lima jenis sahaja dan Abdullah Hassan pula hanya menjelaskan lima belas kata adverba. Hal ini menunjukkan bahawa, jumlah frasa adverba dalam bahasa Melayu adalah tidak konsisten atau tidak tetap. Sehubungan itu, terdapat beberapa jenis frasa adverba yang bersesuaian dan boleh dihubungkan dengan teks Tuhfat al-Nafis. Frasa adverba dilihat berdasarkan kepada *Nahu Melayu Mutakhir*.

Asmah Haji Omar (2014) menyatakan bahawa kata adverba ialah kata yang berfungsi pada ajung ayat dalam struktur Subjek-Predikat-Objek-Ajung. Beliau menggambarkan keadaan ajung seperti rajah 1 berikut:




RAJAH 1: Struktur Asas Ayat

Ayat merupakan unit yang paling tinggi dalam sesebuah skala tatatingkat nahu. Sekiranya seseorang itu ingin menghasilkan ayat yang gramatis, maka ayat tersebut perlulah ada unsur subjek dan predikat. Subjek (S) merujuk kepada pelaku atau pokok perbincangan bagi sesuatu perkara. Predikat (P) pula merupakan unsur ayat yang membawa cerita bagi subjek. Predikat boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja atau kata sifat. Seterusnya ialah objek (O) yang muncul sesudah kata kerja dalam frasa kerja. Objek terbahagi kepada dua jenis iaitu objek langsung dan objek tak langsung. Objek dianggap sebagai pelengkap dalam sesebuah ayat. Ajung (Aj.) pula merupakan gatra yang muncul selepas kehadiran objek. Penerangan untuk bahagian yang seterusnya akan menggunakan singkatan (A) merujuk kepada ayat, (S) sebagai subjek, (P) sebagai predikat, (O) sebagai objek dan (Aj.) sebagai ajung atau adverba.

Asmah Haji Omar menyatakan adverba boleh wujud dalam dua keadaan iaitu sama ada dalam bentuk kata ataupun frasa. Frasa adverba adalah sama fungsinya seperti kata adverba iaitu berfungsi pada ajung ayat. Beliau telah membahagikan frasa adverba kepada dua bahagian iaitu endosentrik dan eksosentrik. Frasa adverba endosentrik boleh terdiri daripada sekurang-kurangnya satu kata adverba sahaja. Frasa adverba eksosentrik pula haruslah terdiri daripada frasa preposisi, frasa benda atau frasa sifat.

Walau bagaimanapun, model atau struktur kewujudan adverba dalam ayat yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar tidak boleh dirujuk sepenuhnya. Hal ini demikian kerana, adverba juga boleh wujud dalam dua keadaan yang lain. Rajah di bawah menggambarkan keadaan adverba yang masih lagi berfungsi sebagai penerang kepada predikat tetapi strukturnya telah sedikit berubah.




RAJAH 2: Struktur Ajung Menerangkan Frasa Kerja

Berdasarkan Rajah 3.2 menunjukkan bahawa struktur ayat utama dibahagikan kepada dua bahagian iaitu subjek dan predikat. Ayat perlu mempunyai kedua-dua unsur ini bagi menghasilkan ayat yang gramatis. Sesebuah predikat biasanya mengandungi frasa kerja dan kehadiran ajung pula berfungsi untuk menerangkan kata kerja di hadapannya. Sebagai contoh, ayat di bawah adalah bersesuaian dengan Rajah 3.2.

1. Ahmad (**S**) berlari (**P**) dengan laju (**Aj**)
2. Kamal (**S**) pergi (**FK**) ke sekolah (**O**) dengan menaiki basikal (**Aj**)

Seterusnya, kehadiran adverba juga boleh hadir lebih daripada satu dalam sesebuah ayat. Hal ini demikian kerana, adverba adalah bersifat opsyenal dan penggunaannya akan ditentukan sendiri oleh si pengguna sama ada adverba tersebut diperlukan atau sebaliknya dalam sesebuah ayat. Ajung atau adverba yang melebihi daripada satu di dalam ayat dapat digambarkan seperti rajah berikut:



RAJAH 3: Kehadiran Ajung Melebihi Satu Cabang

Rajah 3 menunjukkan kewujudan adverba yang hadir melebihi daripada satu tingkat dalam sesebuah ayat. Walau bagaimanapun, fungsi adverba dalam rajah di atas masih lagi menerangkan mengenai frasa kerja. Contoh yang bersesuaian bagi rajah di atas adalah seperti berikut:

3. Farah (**S**) bermain (**FK**) dengan rakannya (**Aj**) di padang (**Aj**) semalam (**Aj**).

Selain *Nahu Melayu Mutakhir*, terdapat satu lagi pendekatan yang boleh digunakan untuk merujuk kepada penggunaan adverba dalam sesebuah ayat. Pendekatan yang dimaksudkan ialah pendekatan yang dikemukakan oleh Jake Allsop melalui bukunya iaitu *Cassell's Students English Grammar*. Penerangan mengenai adverba yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar dan Jake

Allsop, boleh dikatakan hampir setara. Di samping itu, struktur adverba yang dikemukakan oleh Jake Allsop dapat digambarkan seperti rajah 4 di bawah:



RAJAH 4: Posisi Adverba Berdasarkan Jake Allsop

Struktur yang dikemukakan oleh Jake Allsop menunjukkan bahawa adverba boleh hadir pada tiga posisi iaitu pada pangkal ayat sebelum subjek, posisi tengah ayat iaitu antara subjek dan kata kerja, serta posisi di akhir ayat, iaitu selepas objek atau komplemen. Walau bagaimanapun, terdapat adverba yang boleh hadir pada posisi tertentu berdasarkan kepada kesesuaian ayat. Sehubungan itu, data yang dibincangkan dalam tulisan ini akan menghubungkan kedua-dua struktur yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar dan Jake Allsop.

Setelah menganalisis ayat-ayat dalam Tuhfat al-Nafis, terdapat 17 jenis adverba yang ditemukan. Antara jenis adverba yang berkaitan dengan Tuhfat al-Nafis ialah:

- a. Adverba Waktu
- b. Adverba Tujuan
- c. Adverba Permulaan
- d. Adverba Tempat
- e. Adverba Rujukan
- f. Adverba Cara
- g. Adverba Perbatasan
- h. Adverba Arah
- i. Adverba Gaya
- j. Adverba Durasi
- k. Adverba Penyertaan
- l. Adverba Anafora
- m. Adverba Agentif
- n. Adverba Kiasan
- o. Adverba Tolak Ansur
- p. Adverba Bilangan
- q. Adverba Perhinggaan

## TINJAUAN LITERATUR

Penghuraian adverba Liaw Yock Fang (1985) dalam buku *Nahu Melayu Moden* tertumpu kepada fungsi-fungsi kata adverba dalam sesuatu ayat. Selain itu, beliau juga telah mengkategorikan kata adverba mengikut jenis-jenis yang bersesuaian berdasarkan contoh jadual yang telah dibincangkan pada bahagian sebelum ini. Penggunaan kata adverba mengikut jenis adalah bertujuan untuk memudahkan pengguna membezakan adverba dengan golongan kata yang lain. Hal ini demikian kerana, penggunaan adverba adalah berdasarkan keperluan dan konteks ayat. Jika dilihat contoh yang diberikan oleh Liaw Yock Fang, hampir keseluruhan adverba yang hadir dalam ayat hadir selepas unsur predikat dan berada pada ajung ayat.

Seterusnya adalah berkenaan dengan huraian yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (2014) melalui bukunya *Nahu Melayu Mutakhir*. Beliau menumpukan penerangan mengenai adverba berdasarkan kepada aspek fungsi sintaksis dan morfologi. Selain itu, beliau juga telah mengemukakan adverba di bawah frasa adverba endosentrik dan eksosentrik untuk menjelaskan struktur yang berkaitan dengan frasa adverba. Walau bagaimanapun, pandangan beliau lebih mementingkan unsur-unsur seperti pengimbuhan dan penggandaan terhadap sesuatu golongan kata. Setakat ini, kajian adverba yang dikemukakan oleh beliau amat jelas dan terperinci kerana terdapat dua puluh sembilan jenis kata adverba yang terdapat dalam *Nahu Melayu Mutakhir*. Namun begitu, tidak semua boleh diterima sebagai frasa adverba kerana terdapat pertindihan fungsi dalam jenis-jenis adverba tersebut.

Selain itu, Arbak Othman (1981) menyatakan bahawa terdapat empat bentuk-bentuk frasa adverba yang boleh digunakan untuk menentukan kehadiran frasa adverba dalam sesebuah ayat. Tambahan pula, beliau juga memperlihatkan kedudukan frasa adverba yang hadir dalam pelbagai posisi iaitu posisi pangkal ayat, tengah dan akhir ayat. Posisi frasa adverba yang ditunjukkan ini juga dianggap sebagai kedudukan bebas dan tidak terikat kepada mana-mana posisi tertentu. Walau bagaimanapun, Arbak seharusnya menyatakan secara lebih jelas bentuk-bentuk frasa adverba yang telah dikemukakan olehnya itu supaya pengguna dapat memahami cara untuk menghubungkaitkan frasa adverba dengan bentuk-bentuk tersebut.

Perbincangan yang dilakukan oleh C.A. Mees pula lebih menjurus kepada jenis-jenis adverba yang wujud dalam sesebuah ayat. Sememangnya banyak senarai jenis-jenis adverba yang dihasilkan oleh Mees dan kesemuanya disertakan dengan contoh dan huraian. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang fungsi frasa adverba dalam teks *Tatabahasa dan Tatakalimat* disertakan dengan contoh-contoh yang boleh dianggap sesuai olehnya tetapi huraian yang diberikan olehnya itu adalah sedikit dan tidak dapat difahami secara jelas oleh para pembaca.

Seterusnya ialah berkenaan dengan Anton M. Moeliono yang lebih banyak mengaitkan adverba dengan penggunaan morfem. Tambahan pula, penghuraian yang dikemukakan oleh beliau adalah jelas iaitu melalui penjelasan berkenaan dengan bentuk, struktur sintaksis dan maknanya dalam adverba. Buku ini dianggap lengkap kerana huraian dijelaskan satu persatu mengikut sub-topik yang telah dikemukakan olehnya. Tokoh bahasa iaitu Nik Safiah Karim masih dianggap tidak menerima adverba sepenuhnya kerana penjelasan mengenai frasa adverba olehnya tidak begitu banyak. Beliau juga tidak mengasingkan adverba mengikut jenis. Penghasilan *Tatabahasa Dewan* (2015) seharusnya membuka ruang kepada beliau untuk menghuraikan secara lebih jelas dan mendalam mengenai fungsi dan perubahan daripada golongan kata kepada frasa adverba.

Md. Zahril et al. (2020) ada menyentuh secara sepintas lalu tentang kata adverba di dalam artikelnya "Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah". Beliau hanya menyentuh dua jenis adverba di dalam tulisannya, iaitu adverba cara dan adverba hakikat. Namun, beliau tidak

menyatakan mengapakah pemilihan dua kata adverba ini dibuat, selain hanya untuk menunjukkan contoh penggunaan kata adverba di dalam teks tersebut.

## DAPATAN

### PENGGELASAN FRASA ADVERBA

Frasa adverba yang terdapat di dalam *Nahu Melayu Mutakhir* adalah sebanyak 29 jenis kesemuanya. Walau bagaimanapun, hanya beberapa sahaja frasa adverba yang dipilih mengikut kesesuaian dalam teks Tuhfat al-Nafis. Frasa adverba dalam teks tersebut dipilih dan dikelaskan mengikut kategorinya yang bersesuaian. Terdapat 17 jenis frasa adverba yang telah dianalisis berdasarkan teks kajian utama. Antara frasa-frasa adverba yang terlibat ialah:

#### Adverba Waktu

Menurut Asmah Haji Omar (2014), adverba waktu ialah kata, frasa atau klausa yang menjawab pertanyaan 'bila' sesuatu perbuatan atau peristiwa itu berlaku. Adverba waktu yang diwujudkan dalam bentuk kata adalah seperti *sekarang, kini, tadi, dulu, kelak, semalam* dan sebagainya. Berikut merupakan antara contoh-contoh frasa adverba waktu yang telah diambil daripada teks Tuhfat al-Nafis:

4. maka *pada ketika itu* ada-lah hijarah Nabi s.a.w.
5. maka *kira2 dua tahun*, maka baginda Raja Seri Teri Buana pun mangkat-lah pula
6. yang mati terbunuh oleh ikan todak itu *pada masa itu*
7. kita serbu sahaja *malam2* ka-dalam Riau itu
8. ia menyuroh paduka anakanda2 sakalian pergi *dahulu* ka-selat
9. maka *sa-ketika* berperang itu
10. ia-itu *pada sa-haribulan Rabiul-awal, hari Sabtu, jam pukul delapan pagi, Sunnah 1275*

#### Adverba Tujuan

Seterusnya pula ialah adverba tujuan yang dijelaskan oleh Asmah Haji Omar (2014) sebagai fungsi untuk menerangkan tujuan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu. Selain itu, adverba ini menjawab pertanyaan *untuk apa* atau *buat apa*. Antara klausa yang digunakan untuk menandakan adverba jenis ini ialah *supaya, agar, agar supaya* ataupun *untuk*. Berikut merupakan antara contoh frasa adverba tujuan yang telah diambil daripada teks Tuhfat al-Nafis:

11. *pada menyatakan kelakuan* antara Raja2 Melayu serta Bugis

#### Adverba Permulaan

Menurut Asmah Haji Omar (2014), adverba permulaan merujuk kepada permulaan sesuatu perbuatan atau peristiwa. Adverba ini wujud dengan frasa preposisi yang terdiri daripada *kata depan + kata nama/kata kerja*. Walau bagaimanapun, adverba ini perlu hadir dengan syarat, iaitu kata depannya harus diwakili oleh kata *sejak, semenjak*, atau *mulai dari*. Selain itu, kata nama yang mengikuti kata depan itu merupakan kata nama waktu. Tambahan pula, adverba ini juga



boleh dimulai dengan kata penghubung *sejak* dan *semenjak*. Berikut merupakan antara contoh-contoh frasa adverba permulaan yang terdapat dalam teks Tuhfat al-Nafis:

12. ada-lah di-mulai di-sini, *daripada sa-orang Raja Melayu*
13. dan ada-lah nama Sinapura itu *mula2nya* Temasek
14. Maka ia-lah raja yang *mula2* memperbuat bendahara
15. *Baharu* hendak duduk menyembah, Raja Abdullah pun menangkap-lah

### Adverba Tempat

*Nahu Melayu Mutakhir* menjelaskan bahawa adverba tempat merupakan adverba yang menerangkan *di mana* sesuatu perbuatan atau peristiwa itu berlaku. Adverba ini diwujudkan dalam bentuk kata dan frasa. Adverba tempat dalam bentuk frasa minimal adalah seperti *sini, situ, sana, dalam, luar, atas, bawah, dan depan*. Kebanyakan frasa adverba tempat yang terdapat di dalam teks Tuhfat al-Nafis menggunakan kata sendi 'di' untuk merujuk kepada tempat tersebut dan frasa ini biasanya hadir pada akhir sesebuah ayat. Antara contoh-contoh untuk frasa adverba tempat ialah:

16. kemudian kerajaan-lah ia *di-Singapura*.
17. Adapun Wan Seri Beni itu mak angkat oleh Seri Teri Buana : ia-itu raja perempuan *di-negeri Bentan*.
18. maka di-tanamkan orang *di-bukit Singapura*.
19. kemudian di-surohkan-nya panchong *di-hujung pasir*.
20. jangan di-dzahirkan *di-tengah2 negeri*.
21. dan maka di-bedil-nya *sa-belah* pemegang kelengkapan Siak itu.

### Adverba Rujukan

Asmah Haji Omar (2014) menerangkan rujukan konteks berlakunya sesuatu perbuatan. Adverba jenis ini boleh terdiri daripada frasa yang mempunyai ungkapan seperti *menurut, mengikut, berhubung dengan, merujuk kepada, berdasarkan, dan berdasar kepada*. Walau bagaimanapun, ayat yang mempunyai frasa adverba rujukan ini kebanyakannya menggunakan kata sendi nama untuk merujuk kepada sesuatu perkara. Maksud ayatnya adalah sama jika dirujuk semula berdasarkan huraian adverba rujukan walaupun tidak menggunakan ungkapan yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2014). Antara contoh-contoh frasa adverba rujukan yang telah ditemui dalam Tuhfat al-Nafis ialah:

22. Maka berpanjangan-lah hikayat-nya itu *di-dalam sejarah dan siarah Melayu*.
23. Berpanjangan-lah hikayat-nya itu *pada siarah*.

### Adverba Cara

Seterusnya, Asmah Haji Omar (2014) menyatakan bahawa adverba cara ialah adverba yang menunjukkan cara atau kaedah sesuatu perbuatan itu dilakukan. Di samping itu, adverba ini turut

didukung oleh kata-kata tertentu seperti *begini*, *begitu* dan *demikian*. Berikut merupakan contoh-contoh ayat yang telah diambil daripada teks kajian:

24. dengan kitab ada yang di-tulis *dengan tangan*.
25. Maka lalu-lah berperang *berbedil-bedilan* legum legam.
26. Bugis pun mengamok-lah *dengan pemburas dan terakul-nya*.

### Adverba Perbatasan

Adverba perbatasan menjelaskan tentang batas atau had dalam sesuatu perbuatan atau peristiwa dan hal ini telah diperkatakan oleh Asmah Haji Omar (2014). Bentuk kata yang biasanya digunakan untuk merujuk kepada adverba jenis ini ialah *hanya*, *cuma* dan *sahaja*. Walau bagaimanapun, berdasarkan ayat di dalam teks Tuhfat al-Nafis, frasa adverba perbatasan yang digunakan berbeza sedikit dengan bentuk kata yang telah dinyatakan. Antara contoh berdasarkan teks kajian ialah:

27. adapun yang aku perbuat ini *sa-kadarkan* hendak menyatakan peratoran yang jatuh.

### Adverba Arah

Menurut Asmah Haji Omar (2014), adverba arah menyatakan dari mana atau ke mana Bergeraknya sesuatu perbuatan atau peristiwa itu. Lazimnya adverba jenis ini berfungsi bersama-sama dengan kata kerja perbuatan yang menunjukkan adanya pergerakan. Adverba arah mempunyai tiga bahagian berdasarkan gerak arah dari titik permulaan hingga ke tumpuannya iaitu arah permulaan, arah laluan dan arah tumpuan. Berikut merupakan contoh-contoh frasa yang bersesuaian dengan adverba arah:

28. yang datang bersama2 dengan dia *dari Palembang*.
29. maka Wan Seri Beni itu pun pindah-lah *ka-Singapura*.
30. ia-itu ikan todak datang *dari laut* menikam ma'nusia beberapa banyak.
31. Maka di-fitnahkan oleh sa-orang daripada gundek baginda itu *kapada baginda*.
32. kita serbu sahaja malam2 *ka-dalam Riau* itu.
33. Maka lalu-lah ia berpechah belah *ka-sana ka-mari*.

### Adverba Gaya

Adverba gaya seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2014) adalah untuk menerangkan *bagaimana* atau dengan *gaya yang bagaimana* sesuatu perbuatan dilakukan. Selain itu, adverba jenis ini diwakili oleh kata sifat. Kata sifat itu boleh digandakan dan boleh tidak. Antara contoh-contoh frasa adverba gaya berdasarkan Tuhfat al-Nafis ialah:

34. Demikian-lah kesah-nya di-dalam hikayat *panjang2*.
35. Maka *sama2* rapat-lah dua pehak...
36. *gegak gempita* bunyi bahana meriam seperti halilintar yang membelah bukit.

37. Maka lalu-lah ia *berpechah belah* ka-sana ka-mari.
38. Lalu-lah lari *berhamboran bercherai-berai* membawa luka-nya.

#### Adverba Durasi

Asmah Haji Omar (2014) menyatakan bahawa adverba durasi menerangkan jangka waktu yang terus-menerus dan menjadi konteks kepada sesuatu perbuatan atau peristiwa yang berlaku itu. Adverba jenis ini terbatas jumlah bentuk akarnya dan hanya diwakili oleh *sentiasa*, *sebentar* dan *sekejap*. Tambahan itu, adverba durasi boleh juga wujud dalam bentuk klausa yang ditandai oleh kata penghubung *selagi* atau *selama*. Antara contoh-contoh adverba durasi dalam teks Tuhfat al-Nafis ialah:

39. Maka *sa-bentar* ia pun hilang.
40. Maka budak itu pergi-lah berkayoh, lalu ka-Riau *sekali*.
41. Shahadan maka kapal perang itu pun balek-lah ka-Riau *sa-bentar*.
42. Maka *bersegera-lah* kedua Raja itu memberi apa2 kehendak ayahanda-nya Raja Hussain itu.

#### Adverba Anafora

Selain itu, Asmah Haji Omar (2014) menyatakan bahawa adverba anafora merujuk kepada adverba yang terdapat dalam ayat sebelumnya. Tambahan pula, anafora juga adalah berdasarkan makna yang didukungnya dan berkaitan dengan ayat sebelumnya. Pembahagian adverba anafora terbahagi kepada beberapa jenis iaitu anafora adverba musabab, anafora adverba cara, anafora adverba waktu, anafora adverba kebarangkalian dan sebagainya. Berikut merupakan jenis adverba anafora yang ditemui dalam data kajian:

Adverba jenis ini menyatakan ketidakpastian atau kebarangkalian yang menjadi konteks berlakunya sesuatu perbuatan atau peristiwa. Antara bentuk yang boleh wujud dalam adverba jenis ini ialah *barangkali*, *boleh jadi*, *agak-nya* atau *mungkin*. Walau bagaimanapun, bentuk lain juga boleh wujud dalam adverba anafora kebarangkalian dan bergantung kepada konteks sesuatu ayat itu. Antara contoh data yang berkaitan dengan frasa adverba jenis ini ialah:

43. sebab ia makan muntah hantu , *konon-nya*.

#### Adverba Agentif

Adverba agentif seperti yang diperkatakan oleh Asmah Haji Omar (2014), merujuk kepada pelaku sesuatu perbuatan yang dinyatakan dalam ayat. Adverba jenis ini juga diwujudkan dalam bentuk frasa preposisi yang terdiri daripada *oleh + kata nama*. Selain itu, adverba agentif berfungsi dalam ayat pasif jati. Antara contoh-contoh frasa adverba agentif yang diperoleh daripada data kajian ialah:

44. masa kerajaan Paduka Seri Maharaja ini-lah negeri Singapura itu keturunan bala' dilanggar *oleh ikan todak*.
45. dan raja negeri Singapura ini-lah di-alahkan *oleh Raja Majapahit*.
46. Maka di-fitnahkan *oleh sa-orang daripada gundek baginda itu*.

47. kerana ia di-wakilkan *oleh Penggawa*.
48. Maka belayar-lah ia dan segala perahu2 Riau itu di-tunda *oleh kapal* semua-nya.
49. Sebab di-bedil *oleh anak raja2 Riau serta kapitan Melayu* itu dengan terakul dari bangunan kubu2-nya.

### **Adverba Penyertaan**

Menurut Asmah Haji Omar (2014) melalui bukunya iaitu *Nahu Melayu Mutakhir*, adverba penyertaan digunakan untuk menjawab pertanyaan dengan siapa sesuatu perbuatan itu dilakukan. Bentuk yang mewujudkan adverba jenis ini ialah *kata depan + kata nama bernyawa*. Kata depan boleh diwakili oleh *dengan* atau *bersama*. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada data teks Tuhfat al-Nafis, ada juga ayat yang telah menggugurkan kata 'dengan' tetapi masih lagi sesuai untuk diletakkan di bawah frasa jenis ini. Antara contoh-contoh data yang bersesuaian dengan frasa adverba penyertaan ialah:

50. maka menggantikan kerajaan-nya *dengan putera-nya* yang bernama Seri Pekrama Wira.
51. maka menggantikan kerajaan-nya itu *putera-nya* yang bernama Raja Muda.
52. gundek baginda anak Penghulu Bendahari bermukah *dengan sa-orang lelaki*.
53. Yamtuan Raja Ismail pun meshuarat-lah *dengan adek-nya* Raja Abdullah.

### **Adverba Tolak Ansur**

Adverba tolak ansur menyatakan bahawa terdapat dua keadaan yang saling bertolak ansur dan menyebabkan terjadinya konteks sesuatu perbuatan atau peristiwa. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh Asmah Haji Omar (2014). Berikut merupakan contoh yang telah ditemui dalam teks Tuhfat al-Nafis dan bersesuaian dengan frasa adverba jenis ini:

54. *Baik tidak baik*, dia tiba dahulu jadi tiada berguna pekerjaan kita.

### **Adverba Perhinggaan**

Adverba ini menerangkan tempat atau waktu berakhirnya sesuatu perbuatan atau peristiwa. Tambahan pula, adverba ini juga menjawab pertanyaan *sampai mana*, *hingga bila* dan *sampai bila*. Adverba perhinggaan terbahagi kepada tiga jenis iaitu perhinggaan tempat, perhinggaan waktu dan perhinggaan daya. Berikut merupakan data yang diperoleh dan berkaitan dengan frasa adverba jenis ini:

55. maka Yang Di-Pertuan Muda pun *sangat-lah* marah-nya
56. Maka beramok-lah di-dalam kubu itu *bermati-matian*.

### **Adverba Kiasan**

Asmah Haji Omar mentafsirkan adverba kiasan sebagai adverba yang mengkiaskan sesuatu perbuatan itu kepada perbuatan atau peristiwa lain. Preposisi atau kata depan yang biasanya digunakan untuk merujuk kepada adverba jenis ini ialah *seperti*, *sebagai*, *laksana*, *umpama*, *seumpama*, *seolah-olah*, *seakan-akan*, *semacam* dan *bagaikan*. Antara contoh frasa adverba kiasan yang ditemui dalam teks kajian ialah:

57. gegak gempita bunyi bahana meriam *seperti halilintar* yang membelah bukit.  
58. *Saperti bunyi berteh* bunyi senapang itu.

### Adverba Permulaan

Adverba permulaan menunjukkan permulaan perbuatan atau peristiwa. Perkara ini telah jelas dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2014). Selain itu, adverba ini diwujudkan oleh frasa preposisi yang terdiri daripada *kata depan + kata nama/kata kerja*. Kata depan haruslah diwakili oleh *sejak, semenjak* atau *mulai dari*. Kata yang hadir selepas kata depan merupakan kata nama waktu.

59. dan ada-lah nama Singapura itu *mula2nya* Temasek.  
60. Maka ia-lah raja yang *mula2* memperbuat bendahara.  
61. *baharu* hendak dudok menyembah, Raja Abdullah pun menangkap-lah.

### Adverba Bilangan

Adverba bilangan tidak terkandung dalam 29 senarai adverba yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (2014). Walau bagaimanapun, setelah teks dianalisis, terdapat beberapa frasa yang boleh dikatakan bersifat bilangan dan menerangkan bilangan yang berada di hadapannya. Jikalau dirujuk kepada *Nahu Melayu Mutakhir*, bilangan menunjukkan jumlah atau bilangan yang ada kaitan dengan frasa kerja. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa adverba bilangan ialah keadaan yang menerangkan sejumlah bilangan yang berkaitan dengan klausa atau frasa sebelumnya. Berikut merupakan contoh-contoh yang berkaitan dengan frasa adverba bilangan:

62. Ada pun orang Riau ada juga bagitu *banyak*.  
63. Maka belayar-lah ia dan segala perahu2 Riau itu di-tunda oleh kapal *semua-nya*.  
64. Ada-lah lanun yang datang mengamok itu kira2 sa-ratus orang *banyak-nya*.

Kajian ini telah mendapati bahawa, meskipun terdapat dua puluh sembilan jenis adverba yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar, hanya 17 jenis frasa adverba sahaja yang telah ditemukan dan telah dikelaskan mengikut kesesuaian ayat serta situasinya berdasarkan teks yang dikaji. Pengelasan frasa adverba dirujuk kepada *Nahu Melayu Mutakhir*. Walau bagaimanapun, setelah dianalisis, hanya 17 adverba yang terdapat dalam teks ini dan bersesuaian dengan ciri-ciri penerang frasa kerja. Selain itu, struktur frasa adverba yang disesuaikan dengan kajian ini telah melibatkan penggunaan struktur yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji (1993) dan Jake Allsop (1983). Struktur yang dikemukakan oleh mereka dipilih kerana penggunaan strukturnya yang jelas dan bersistematik. Kedudukan frasa adverba dilihat hadir dalam tiga keadaan iaitu posisi pangkal ayat (sebelum subjek), posisi tengah ayat (sebelum frasa kerja) dan posisi akhir ayat (selepas predikat). Namun begitu, kehadiran posisi-posisi ini masih lagi mengikut fungsi yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar iaitu menerangkan frasa kerja dalam sesebuah ayat.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, artikel ini telah membincangkan kelas-kelas frasa adverba dan struktur frasa adverba dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Setelah diteliti dan dikaji, frasa adverba yang terdapat dalam teks kajian berperanan untuk menerangkan frasa kerja. Penelitian mengenai frasa adverba dalam teks Melayu klasik sememangnya suatu perkara yang menarik dan mencabar. Walau bagaimanapun, perasaan ingin tahu yang mendalam tentang frasa adverba semakin kuat apabila teks *Tuhfat al-Nafis* dapat difahami setelah dibaca dengan teliti. Penggunaan ayat di dalam teks ini sememangnya berbeza dengan teks moden. Perbezaan ini disebabkan orang Melayu dahulu menekankan perkara yang berbeza dalam sesuatu ayat menyebabkan struktur ayatnya kelihatan berbeza. Akhirnya, kajian ini dapat menggambarkan kepada pembaca mengenai frasa adverba yang telah disusun mengikut kelas-kelasnya serta struktur yang bersesuaian. Sehubungan itu, jelaslah menunjukkan bahawa frasa adverba yang ditemui dalam teks *Tuhfat al-Nafis* mempunyai peranannya yang tersendiri walaupun bersifat opsyenal.

### **RUJUKAN**

- Anton M. Moeliono. 2000. *Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia: Edisi Ketiga*. Jakarta: Balai Pustaka
- Asmah Haji Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir: Edisi Kelima*. Selangor: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Mees, C. A. 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Culicover, Peter W. 1976. *Syntax*. San Francisco: Academic Press.
- Allsop, Jake. 1983. *Cassell's Students' English Grammar*. London: Cassells Publishers Ltd.
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan. 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lufti Abas. 1975. *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Md. Zahril Nizam, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed & Mohd Najib Abdul Rahim. 2020. Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *JurnalMelayu*, 19 (1). 54-74.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd Saleeh Rahamad. 1996. *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Nahu Retorik Untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Munir Ali. 1989. *Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik*. Selangor Darul Ehsan: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Nasrun Alias. 1995. *Perkembangan dan Kesenambungan Ilmu Sintaksis Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Aliran dan Tokoh*. Kertas kerja seminar Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2005. *Teori Bahasa : Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nik Safiah. 2015. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Sufiah Azmi & Maslida Yusof. 2020. Kata kesangatan dalam Frasa Adjektif Dialek Terengganu. *Jurnal Melayu*, 19 (1), 124-148.

M. Ramlan. 1987. *Ilmu Bahasa Indonesia: Sintaksis*. Yogyakarta : Universitas Gadjah Mada.

Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. 2016. Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 210-222.

Raja Ali Al-Haji Riau. 1965. *Tuhfat al-Nafis, Sejarah Melayu dan Bugis*. Singapura: Malaysia Publications Ltd.

### **Biodata Penulis:**

**Nasrun Alias** adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah morfologi, sintaksis dan dialek Melayu.

**Nur Shafiqah Amirah binti Abdullah** adalah bekas pelajar Program Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.